

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Sembilan

Ministri Penuh Kristus yang Mempunyai Tiga Tahap

Bacaan Bible: Yoh. 1:14; 1 Kor. 15:45b;
Wahi 1:4; 3:1; 4:5; 5:6; 2:4-5; 19:7-9; 21:2; 22:17a

- I. Ajaran unik ekonomi Wasiat Baru Tuhan (1 Tim. 1:3-4) ialah ajaran berke-
naan ministri penuh Kristus yang mempunyai tiga tahap—inkarnasi, inklusi,
dan intensifikasi:**
- A. “Apanya pemulihan Tuan akan jadi dan bagaimananya pemulihan Tuan akan jadi, bergantung pada sikap kita terhadap ajaran ini” (Witness Lee); ajaran ini boleh disimpulkan dengan satu ayat yang mudah—“Pemulihan Tuan ialah Tuhan menjadi tubuh daging, tubuh daging menjadi Roh beri-hayat, dan Roh beri-hayat menjadi Roh yang diperhebat tujuh kali ganda untuk membina gereja yang menjadi Tubuh Kristus dan yang mengkonsumasikan Yerusalem Baru” (*Alam Divin dan Mistikal*, m.s. 12).
 - B. Untuk bekerja bersama dengan Tuhan sebagai rakan sekerja-Nya (2 Kor. 6:1; 1 Kor. 3:9), kita perlu mengenali, mengalami, dan menikmati Kristus (beroleh Kristus—Flp. 3:8-14) pada tiga tahap-Nya yang divin dan mistikal dalam ministri penuh-Nya.
- II. Dalam tahap pertama, yakni tahap inkarnasi-Nya, dari kelahiran insani-Nya hingga kematian-Nya, Kristus menyempurnakan tiga perkara utama yang berikut:**
- A. Pada tahap inkarnasi-Nya, Kristus membawa Tuhan yang tidak terbatas ke dalam manusia yang terbatas; walaupun Kristus keluar dari Betlehem, namun Dia keluar sejak zaman purba, sejak keabadian; ini merujuk kepada asal usul abadi Kristus dan menunjukkan bahawa Tuhan Tritunggal telah bersedia untuk keluar dari keabadian ke dalam masa, untuk datang dengan membawa kedivinan-Nya, dan masuk ke dalam keinsanan dengan dilahirkan di Betlehem sebagai manusia—Mi. 5:2.
 - B. Pada tahap inkarnasi-Nya, Kristus menyatukan, membaurkan, dan menginkorporasikan Tuhan Tritunggal dengan manusia tripartit—Luk. 1:35; 2:40, 52; Yoh. 14:10-11; 1:14.
 - C. Pada tahap inkarnasi-Nya, Kristus dalam keinsanan-Nya mengekspresikan Tuhan yang limpah lengkap dalam atribut-Nya yang kaya menerusi virtu-Nya yang wangi:
 - 1. Virtu insani Manusia-Penyelamat yang penuh kasih sayang, keihsanan, kesabaran, rahmat, dan timbang rasa terpapar dalam persekutuan-Nya dengan seorang perempuan berdosa; atribut divin-Nya, terutamanya atribut autoriti divin untuk mengampunkan dosa-dosa seseorang dan pemberian damai sejahtera kepada pendosa yang diampuni, juga terpapar—Luk. 7:36-50.
 - 2. Manusia-Penyelamat, sebagai orang Samaria yang baik, datang ke tempat berbaringnya mangsa terluka dalam keadaan yang kasihan dan hampir mati disebabkan perompak Yahudi yang taasub; Dia tersentuh dengan belas kasihan dalam keinsanan-Nya berserta kedivinan-Nya lalu memberi dia penyembuhan yang lembut dan jagaan yang menyelamatkan, dengan sepenuhnya memenuhi keperluannya yang terdesak—10:25-37.
 - 3. Ketika Kristus disalibkan, seorang daripada dua penjenayah yang disalibkan bersama dengan-Nya berkata, “Yesus, ingatilah aku apabila Engkau datang ke dalam kingdom-Mu”; Yesus berkata kepadanya, “Sesungguhnya Aku berkata kepada kamu, Hari ini kamu akan bersama dengan-Ku di Firdaus”; ini

MINISTRI PENUH KRISTUS YANG MEMPUNYAI TIGA TAHAP

Mesej Sembilan (sambungan)

memperlihatkan atribut divin bagi kasih-Nya yang abadi dan tidak ada perbezaan diekspresikan menerusi virtu insani-Nya yang membelai—23:42-43.

D. Pada tahap inkarnasi-Nya, Kristus menyempurnakan penebusan judicial-Nya yang serba merangkumi menerusi kematian-Nya di atas salib:

1. Penebusan judicial-Nya adalah menurut keadilan Tuhan yang merupakan prosedur penyelamatan Tuhan untuk memenuhi tuntutan hukum Tuhan yang adilbenar terhadap pendosa—Roma 1:17a; 3:21-26; 9:30-31.
2. Ini adalah supaya pendosa diampuni di hadapan Tuhan (Luk. 24:47), dibasuh (Ibr. 1:3), dijustifikasikan (Roma 3:24-25), diperdamaikan dengan Tuhan (5:10a), dan dikuduskan kepada Tuhan dari segi kedudukan (1 Kor. 1:2; Ibr. 13:12), dengan itu melayakkan dan memberi percayawan kedudukan untuk menikmati penyelamatan organik Tuhan dan masuk ke dalam kurnia Tuhan yang lebih tinggi bagi menyempurnakan ekonomi abadi Tuhan dan mencapai tujuan muktamad Tuhan (Roma 5:10, 17, 21).

III. Dalam tahap kedua, yakni tahap inklusi-Nya, dari kebangkitan-Nya hingga kejatuhan gereja, Kristus menyempurnakan perkara utama yang berikut:

A. Dalam kebangkitan, Dia diperanakkan sebagai Anak sulung Tuhan; “benih Daud” menjadi “Anak Tuhan” membicarakan proses Kristus dilantik tentu sebagai Anak sulung Tuhan melalui kebangkitan; inilah injil Tuhan; kepada injil ini Paulus diasingkan—1:1-4:

1. Melalui inkarnasi Kristus, Anak tunggal Tuhan dalam kedivinan-Nya (Yoh. 1:18) mengenakan tubuh daging, iaitu sifat insani, yang tidak ada kena-mengena dengan kedivinan; dalam keinsanan-Nya, Dia bukan Anak Tuhan.
2. Melalui kebangkitan, sifat insani-Nya telah dikuduskan, ditinggikan, dan di-transform; dalam kebangkitan, keinsanan-Nya telah dijadikan Tuhan, “dianakkan”; ini bermaksud bahawa Dia dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, menjadi Anak sulung Tuhan dengan mempunyai kedivinan dan keinsanan—Roma 8:29; Kis. 13:33.
3. Kedivinan, iaitu Roh kekudusan, dalam Kristus beroperasi dalam kematian-Nya, dan dalam kebangkitan, Dia “bermekar” menjadi Anak sulung Tuhan dan Roh yang mendispenkan hayat, yang menyalurkan hayat divin-Nya ke dalam kita untuk menjadikan kita dikbang-Nya yang banyak—Roma 1:4; 8:29; 1 Kor. 15:45b.
4. Prototaip itu ialah Anak sulung Tuhan, dan reproduksi itu ialah anak Tuhan yang banyak, yakni anggota-anggota kepada prototaip itu yang menjadi Tubuh-Nya, yang berkonsumasi dalam Yerusalem Baru—Kol. 1:18; 1 Ptr. 1:3.
5. Kristus telah dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, namun kita masih dalam proses pelantiktentuan, iaitu proses “dianakkan”, dijadikan Tuhan—Roma 8:28-29:
 - a. Dalam kebangkitan, Kristus dalam keinsanan-Nya telah dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, dan melalui kebangkitan sedemikian, kita juga berada dalam proses dilantik tentu sebagai anak Tuhan—ay. 11.
 - b. Kunci kepada proses pelantiktentuan ialah kebangkitan, iaitu Kristus yang huni secara dalaman sebagai Roh yang bangkit, Roh yang melantik tentu, kudrat hayat dalam roh kita; kita amat perlu sekali belajar bagaimana bergerak-hidup menurut roh, menikmati, dan mengalami Roh yang melantik tentu—Yoh. 11:25; Roma 8:10-11; Kis. 2:24; 1 Kor. 15:26; 5:4; Roma 8:4, 6, 14.

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Sembilan (sambungan)

- B. Kristus yang berinkarnasi, Adam terakhir, telah menjadi Roh beri-hayat—1 Kor. 15:45b; Yoh. 6:63; 2 Kor. 3:6:
1. Kita menggunakan perkataan *inklusi* (*inclusion*) berdasarkan penggunaan kita terhadap perkataan *muhit* (*inclusive*)—Kristus sebagai Adam terakhir menjadi Roh beri-hayat adalah untuk Kristus menjadi Roh almuhit—Flp. 1:19.
 2. Roh beri-hayat yang merupakan Kristus pneumatik, juga digelar Roh hayat (Roma 8:2), Roh Yesus (Kis. 16:7), Roh Yesus Kristus (Flp. 1:19), dan Tuan Roh (2 Kor. 3:18).
 3. Ministri Kristus pada tahap inklusi sebagai Roh beri-hayat diwahikan dalam Roma 8; bab ini menunjukkan bahawa hayat Tuhan Tritunggal sebagai hukum Roh hayat telah didispenkan ke dalam diri tripartit kita, menjadikan kita manusia hayat untuk menjadi para anak Tuhan dan anggota Kristus bagi mengkonstitusikan Tubuh Kristus demi ekspresi-Nya, dengan itu menggenapkan hasrat asal Tuhan—Kej. 2:7, 9; Roma 8:14; 12:5:
 - a. “Hukum Roh hayat [Yn. *zoe*] telah membebaskan aku dalam Kristus Yesus daripada hukum dosa dan maut”—8:2.
 - b. “Jika Kristus berada dalam kamu, meskipun tubuh adalah mati akibat dosa, tetapi roh ialah hayat [Yn. *zoe*] kerana keadilanbenaran”—ay. 10.
 - c. “Minda diletakkan pada roh ialah hayat [Yn. *zoe*] dan damai sejahtera”—ay. 6.
 - d. “Jika Roh kepada Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati huni dalam kamu, maka Dia yang membangkitkan Kristus daripada yang mati juga akan memberi hayat [Yn. *zoe*] kepada tubuhmu yang akan mati menerusi Roh-Nya yang menghuni kamu secara dalaman”—ay. 11.
- C. Dalam kebangkitan Kristus, Dia melahirkan percayawan untuk Tubuh-Nya—1 Ptr. 1:3:
1. Kristus pneumatik telah menjadi Anak sulung Tuhan dan Roh beri-hayat untuk melahirkan percayawan supaya mereka menjadi anak Tuhan yang banyak, yang dilahirkan daripada Tuhan bersama dengan Kristus dalam satu kelahiran besar yang universal menerusi kebangkitan Yesus Kristus daripada yang mati.
 2. Semua percayawan Kristus telah dibaptis dalam satu Roh ke dalam satu Tubuh Kristus dan telah diberi untuk minum satu Roh ini untuk mengkonstitusikan Tubuh Kristus—1 Kor. 12:13.
 3. Dalam kebangkitan-Nya, Kristus memberi diri-Nya sebagai Roh beri-hayat almuhit dengan tidak terukur menerusi Dia membicarakan sabda Tuhan—Yoh. 3:34.
- IV. **Dalam tahap ketiga, yakni tahap intensifikasi-Nya, dari kejatuhan gereja hingga konsumsi Yerusalem Baru, Kristus memperhebat penyelamatan organik-Nya, menghasilkan pejayeng, dan mengkonsumasikan Yerusalem Baru:**
- A. Disebabkan kejatuhan gereja, Kristus sebagai Roh beri-hayat telah diperhebat tujuh kali ganda menjadi tujuh Roh—Roh beri-hayat yang diperhebat tujuh kali ganda—Wahi 1:4; 3:1; 4:5; 5:6.
 - B. Kristus sebagai Roh beri-hayat yang diperhebat tujuh kali ganda memperhebat penyelamatan organik-Nya untuk menyelamatkan percayawan daripada:

MINISTRI PENUH KRISTUS YANG MEMPUNYAI TIGA TAHAP

Mesej Sembilan (sambungan)

1. Kehidupan gereja yang formal dan kehilangan kasih pertama terhadap Tuan, kehilangan keupayaan bersinar pada kaki pelita, dan kehilangan kenikmatan terhadap Kristus sebagai hayat dalam gereja di Efesus—2:1-7.
 2. Kegagalan yang membawa kepada rasa kematian kedua dalam gereja di Smirna—ay. 8-11.
 3. Keduniaan yang dibawa masuk melalui perkahwinan dengan dunia, serta ajaran Bileam dan pengikut Nikolaus dalam gereja di Pergamus—ay. 12-17.
 4. Pekendakan, penyembahan berhala, ajaran bersifat demon, dan hal-hal Syaitan yang dalam yang terdapat dalam Gereja Roman Katolik, yang dilambangkan oleh gereja di Tiatira—ay. 18-29.
 5. Kematian rohani—keadaan mati dan hampir mati—dalam Gereja Protestan, yang dilambangkan oleh gereja di Sardis—3:1-6.
 6. Kehilangan mahkota, yang telah diperoleh dalam Kumpulan Dikbang, yang dilambangkan oleh gereja di Filadelfia—ay. 7-13.
 7. Keadaan yang suam dan tanpa Kristus dalam Kumpulan Dikbang yang jatuh, yang dilambangkan oleh gereja di Laodikia—ay. 14-22.
- C. Jika kita ingin menjadi pejayeng, kita harus memulihkan, mengekalkan, dan memperkembangkan kasih pertama kita terhadap Tuan:
1. Meninggalkan kasih pertama ialah punca dan sebab utama bagi kegagalan gereja sejak zaman-berzaman—2:4-5.
 2. Mengasihi Tuan Yesus dengan kasih pertama bererti memberi Dia tempat pertama dalam segala sesuatu; kita perlu memberi Kristus tempat pertama, tempat yang terunggul, dalam segala hal dan segala perkara, menganggap Dia sebagai segala-galanya dalam kehidupan kita—Kol. 1:18b.
 3. Kita tidak harus mengasihi sesiapa atau apa-apa melebihi Tuan, termasuk hayat-sukma kita—Mat. 10:37-39; Wahi 12:11.
- D. Kita diselamatkan daripada kejatuhan melalui pembicaraan Kristus pneumatik yang diperhebat tujuh kali ganda dan melalui pekudus yang jayeng yang hidup dalam roh mereka—2:1, 7; 1:10; 4:2; 17:3; 21:10.
- E. Ministri Kristus di syurga yang diperhebat tujuh kali ganda adalah untuk mempersiapkan pengantin perempuan dengan sepenuhnya bagi Kristus (19:7-9), membentuk angkatan tentera pengantin perempuan (ay. 11-21; 17:14), mengikat Syaitan (20:1-3), membawa masuk kingdom Kristus dan Tuhan (ay. 4-6), dan mengkonsumasikan Yerusalem Baru (2:7; 21:2).
- F. Hasil terakhir ialah Roh yang terkonsumasi secara muktamad, sebagai konsumsi Tuhan Tritunggal yang terproses, menjadi Pengantin Lelaki, dan agregat pekudus yang jayeng menjadi pengantin perempuan, dalam percintaan universal antara Tuhan yang menebus dengan manusia yang ditebus-Nya, yang merupakan kesimpulan seluruh Bible—22:17a.
- G. Kita perlu mempertimbangkan perkara intensifikasi ini dan berdoa secara mendesak kepada Tuan, dengan berkata, “Aku mahu maju dari inklusi kepada intensifikasi. Tuan, Engkau telah diperhebat tujuh kali ganda, dan aku berdoa agar aku juga akan diperhebat tujuh kali ganda untuk mengatasi kejatuhan gereja supaya Tubuh dapat dibina untuk mengkonsumasikan Yerusalem Baru” (*Inkarnasi, Inklusi, dan Intensifikasi*, m.s. 16).